

22/02/2003

Pengurangan 20 peratus cukai jalan trailer, separuh trailer

Fazli Abdullah

PUTRAJAYA: Pengusaha lori separuh trailer dan trailer akan menikmati pengurangan cukai jalan kira-kira 20 peratus berikutan pelaksanaan kadar cukai jalan baru oleh kerajaan.

Pengurangan cukai jalan itu akan memberi manfaat kepada pemilik kira-kira 70,000 trailer dan separuh trailer dalam kategori berat 22 tan, 26 tan dan 32 tan. Kadar baru cukai jalan itu akan dikuatkuasa hari ini di Lembah Klang dan Rabu depan di tempat lain di seluruh negara.

Pelaksanaan cukai baru itu sepatutnya dimulakan 1 Januari lalu, tetapi ditangguhkan berikutan beberapa masalah teknikal. Difahamkan langkah itu akan menyebabkan kerajaan kehilangan pendapatan kira-kira RM70 juta setahun.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Datuk Donald Lim, berkata masalah teknikal itu sudah dapat diatasi dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sudah bersedia melaksanakan kadar baru yang diputuskan kerajaan itu.

Beliau berkata, JPJ juga sudah diarahkan mengembalikan lebih bayaran cukai jalan kepada pemilik lori yang memperbaharui cukai jalan kenderaan masing-masing sejak 1 Januari lalu.

"Lebih bayaran dianggarkan RM10 juta akan dipulangkan kepada pemilik kira-kira 10,000 trailer itu," katanya kepada pemberita selepas menghadiri

sambutan Tahun Baru Cina anjuran Kelab Sukan dan Kebajikan Kementerian Pengangkutan di sini, semalam.

Turut hadir pada majlis itu, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik. Beliau turut menyampaikan sumbangan kepada 20 warga emas dari Rumah Orang Tua Seri Kenangan Cheras.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Kewangan ketika membentangkan Bajet 2003 pada 20 September lalu, mengumumkan kerajaan bersetuju struktur cukai jalan ke atas kenderaan berkenaan diturunkan bagi mengurangkan kos ke atas pengusaha lori.

Pengurangan cukai jalan itu berikutan lori kontena dan lori rigid menikmati pengurangan cukai jalan 50 peratus.

Dalam perkembangan lain, Lim berkata, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) mampu menampung pertambahan pesawat termasuk kehadiran pesawat persendirian yang membawa ketua kerajaan Negara Berkecuali (NAM).

Bagi memastikan tiada masalah, katanya, cuti petugas di KLIA juga dibekukan.

"Kita ada pengalaman dan mampu menguruskan kemasukan pesawat dengan lancar," katanya.